

SYABAS DR. MAHATHIR DAN ABDULLAH BADAWI

U.M. 24 SEP 1992

5 Mahathir Profile

Saudara Pengarang:

SIDANG Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang baru berakhir di Jakarta tanpa sebarang keputusan drastik terhadap kekejaman kaum di Bosnia - Herzegovina adalah amat dikesali.

Namun begitu pada hari terakhir Sidang Kemuncak pujian harus diberikan kepada ketua-ketua negara yang telah berjaya memasukkan isu ini ke dalam dokumen akhir persidangan terutamanya kepada pemimpin kita iaitu Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Pengakuan seorang diplomat Indonesia yang menyifatkan Dr. Mahathir sebagai 'Sukarno Kecil' jelas membayangkan rasa tidak puas hati beberapa pihak negara itu terhadap beliau dan kecemerlangan Malaysia di mata dunia.

Sebagai seorang pemimpin, pada hemat saya Dr. Mahathir wajar digelar 'Sukarno Kecil' mahupun 'Sukarno Besar' atas kewibawaan, kepintaran dan kelantangan bersuara dalam menentukan keadilan.

Tindakan positif Malaysia memutuskan hubungan diplomatik dengan negara Yugoslavia adalah wajar. Apakah adil bagi sesebuah negara yang masih mengadakan hubungan diplomatik dengan Yugoslavia setelah penganas-penganas Serb menyeksa dan membunuh orang-orang Islam Bosnia?

Persoalan masyarakat Islam tidak timbul sama sekali kerana semua insan yang diwujudkan oleh Tuhan di dunia ini tergolong sebagai manusia yang mempunyai sifat-sifat kemanusiaan dan hak-hak kemanusiaan walaupun berlainan agama.

Dr. Mahathir juga adalah insan yang mencadangkan pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang kini menjadi perhatian dunia terutamanya Amerika Syarikat dan Jepun serta negara-negara Asia Timur.

Selain dari itu, beliau dengan lantang menyuarakan tentang terhadap dasar Aparteid dan keganasan kaum yang melanda Afrika Selatan.

Bahkan, pemimpin Afrika Selatan yang terkenal iaitu Nelson Mandela tidak terkecuali melawat Malaysia kerana sokongan kita itu. Begitu juga dengan Yasser Arafat atas sokongan kita kepada perjuangan adil rakyat Palestin.

Selain dari itu, pendedahan gambar kulit *Far Eastern Economic Review* (FEER) yang menyebutkan Mahathir sebagai suara baru Dunia Ketiga adalah cukup jelas menunjukkan bahawa kepimpinan Dr. Mahathir terserlah di luar Malaysia dan di mata dunia.

Syabas juga diucapkan kepada Menteri Luar Malaysia, Dato' Abdullah Ahmad Badawi yang telah bertungkus lumus mendesak status Yugoslavia dipertikaikan di persidangan NAM.

Dengan ini jelaslah baltawa Malaysia adalah sebuah negara yang berkembang dengan pesat dan kepimpinan, kewibawaan serta sumbangan Dr. Mahathir tidak boleh di bandingkan dengan tokoh-tokoh dunia yang lain dalam apa jua bidang.

Malahan, pada penelitian saya Dr. Mahathir adalah insan yang paling sesuai memegang jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kelak.

Jika beliau memegang jawatan tersebut, apakah kekejaman kaum Serbia ke atas Islam Bosnia akan terus bermaharajalela hingga ke waktu ini?

Bahasa Inggeris

Sementara itu komen Dr. Mahathir mengenai penguasaan dan kepentingan bahasa Inggeris di negara kita adalah wajar direnungi oleh masyarakat Malaysia, terutamanya yang mempunyai sikap fanatik bahasa.

Merujuk kepada komen beliau bahawa bahasa Inggeris adalah penting kerana ia bertujuan untuk menarik pelabur asing serta sebagai bahasa komunikasi dunia moden adalah tepat sekali.

Ceramah-ceramah yang bertaraf antarabangsa kesemuanya rata-rata menggunakan bahasa Inggeris.

Perkara ini dapat dibuktikan menerusi industri pelancongan, perhotelan, golf dan penerbangan di negara ini yang masih rata-rata menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan seharian.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang penting dan bukannya sebagai status quo sepertimana yang disebutkan oleh sesetengah orang dalam mempersoalkan status bahasa tersebut di negara ini.

Di samping itu tidak dapat disangkal lagi yang generasi baru kaum Melayu gemar dan fasih berbahasa Inggeris, bahkan jauh lebih baik dari kaum bukan Melayu.

Mereka kini memegang jawatan profesional seperti penguam, doktor, jurutera, eksekutif bank atau syarikat dan lain-lain jawatan yang berkaitan.

Saya percaya generasi baru kaum Melayu dan bukan Melayu fasih dan petah berbahasa Inggeris.

Faktor ini secara tidak langsung tidak memberi sebarang masalah kepada mereka untuk berkomunikasi ataupun memahaminya.

Bagaimana pula dengan mereka yang tidak petah dan menghayati bahasa Inggeris seperti masyarakat luar bandar?

Mereka inilah yang menghadapi masalah memahami bahasa Inggeris apabila memasuki ke institusi pengajian tinggi kerana hampir kesemua buku-buku rujukan adalah dalam bahasa Inggeris.

Demi menangani fenomena ini, pentadbiran universiti tempatan mengadakan bahasa Inggeris yang wajib dihadiri oleh penuntut-penuntut, tanpa mengira jurusan yang diambil oleh mereka.

Bukti ini sudah cukup jelas mengutarakan betapa pentingnya bahasa Inggeris disemadikan di jiwa pelajar-pelajar selaku generasi yang bakal mengharungi Wawasan 2020. — S.SUREN, Sungai Siput (U), Perak.